

11/10/1997

Akhbar dakwa firma Jerman dapat kontrak bina kapal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kontrak membina 27 kapal peronda pesisir pantai (OPV) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berharga RM5.6 bilion - yang terbesar seumpamanya di rantau ini - diberi kepada sebuah syarikat Jerman.

Menurut akhbar terkemuka Australia, *The Australian*, syarikat Australia Transfield Defence Systems (TDS) yang turut bertanding untuk kontrak itu, diketepikan oleh Kerajaan Malaysia, kelmarin.

Penolakan pembabitan Australia dianggap satu pukulan besar kepada Kerajaan Australia yang menganggap kontrak ketenteraan itu sebagai strategi eksport utamanya, selain meningkatkan hubungannya dengan Malaysia.

TDS dianggap memiliki peluang terbesar untuk melaksanakan kontrak terbabit, dan ia diakui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Australia sebelum ini, Paul Keating, pada 1996.

"Keputusan Malaysia itu dianggap memeranjatkan berikutan keadaan semasa dengan kontrak OPV dianggap salah satu projek gergasi yang mungkin ditangguhkan kerana masalah mata wang Malaysia," kata laporan itu, yang dipetik daripada edisi Internet *The Australian*, hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar sebelum ini berkata, projek OPV kini dalam peringkat akhir untuk dilaksanakan, dengan perbincangan di antara kementerian kewangan, konsortium tempatan dan syarikat luar kini di peringkat akhir.

Projek OPV akan dilaksanakan oleh Naval Dockyard Sdn Bhd (NDSB) di Lumut sebagai kontraktor utamanya dalam tempoh 15 tahun.

Antara syarikat luar yang berminat mendapatkan projek itu ialah TDS dari Australia, Bremer Vulkan (Germany), Asmar Shipbuilding and Docking (Chile), Danyard (Denmark), Vosper Thornycroft (Britain) dan Ericson Microwave System AB (Sweden).

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Australia, Tim Fischer, berkata beliau akan mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Malaysia berhubung penolakan tawaran kontrak pertahanan itu.

Fischer dijadualkan menandatangani perjanjian perdagangan dengan Malaysia pada 16 Oktober ini di Kuala Lumpur bagi menggantikan perjanjian 1958.

Bagaimanapun, misi perdagangannya ke Kuala Lumpur tercemar dengan isu penawaran kontrak berkenaan kepada syarikat Jerman.

Fischer berkata, beliau akan membangkitkan perkara itu dalam pertemuannya dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, minggu depan.

"Saya kecewa (dengan kegagalan tawaran itu) dan adakah saya akan membangkitkannya? "Ya," katanya dalam temuramah dengan *Associated Press* Australia, hari ini.

TDS berkata, adalah wajar bagi Fischer membangkitkan perkara itu kerana sehingga ini belum ada sebab mengapa Kerajaan Malaysia menolak tawaran kompetitif itu.

Tetapi Fischer mempertahankan kegagalan itu adalah akibat kenyataan Keating yang memanggil Dr Mahathir sebagai 'keras kepala' empat tahun lalu.

"Kita tidak tahu sama ada perkataan keras kepala itu menyebabkan tawaran

TDS diketepikan," katanya kepada stesen Radio Australian Broadcasting Corp (ABC).

Bagaimanapun, Parti Buruh menyifatkan dakwaan Fischer sebagai satu helah untuk menutup kegagalan kerajaan pimpinan John Howard untuk mengotakan janjinya mewujudkan hubungan dua hala yang erat dengan Malaysia.

(END)